

07 JUL 2002
Mahathir-Gas
THAILAND SETUJU LAKSANA PROJEK SALURAN GAS

Oleh: Zulkifli Salleh

BANGKOK, 7 Julai (Bernama) -- Thailand bersetuju supaya pelaksanaan projek saluran paip gas dari Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) yang tertangguh sejak dua tahun lepas, dimulakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata persetujuan itu dinyatakan oleh rakan sejawatannya dari Thailand, Thaksin Shinawatra, dalam mesyuarat dua hala di sini semalam.

Dr Mahathir berkata Malaysia berharap untuk memulakan projek itu secepat mungkin dan pihak Thailand dapat memberi jaminan pelaksanaannya nanti tidak lagi mengalami gangguan daripada mana-mana pihak.

"Kita (Malaysia) telahpun menyediakan semua kelengkapan, cuma tinggal untuk memasangnya sahaja," katanya kepada wartawan Malaysia mengenai hasil lawatan dua harinya ke Thailand, sebelum berlepas peluang ke tanah air.

Projek yang akan dikendalikan oleh Trans Thai Malaysia Co, syarikat usaha sama antara PTT-Petronas itu, tertangguh selama dua tahun berikutan bantahan beberapa pertubuhan bukan kerajaan kononnya ia mencemar alam sekitar.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata projek itu boleh dilaksanakan sekarang kerana laluan saluran paipnya dipindah lima kilometer dari tempat asal.

Katanya pihak Malaysia menanggung kerugian akibat penangguhan projek itu tetapi yang menyedihkan beliau ialah penduduk di kawasan terbabit yang sepatutnya menikmati faedah ekonomi daripada projek itu, turut rugi.

"Sebenarnya bukan sangat bantahan penduduk tempatan tetapi pihak lain termasuk NGO. Saya sedih kerana projek ini ialah untuk membantu ekonomi penduduk miskin di selatan Thailand seperti yang dapat dilihat di Terengganu," katanya.

Dr Mahathir berkata paip gas itu akan dipasang jauh di dalam tanah dan projek itu tidak seharusnya menjadi isu alam sekitar sebab paip gas dipasang di seluruh dunia termasuk di Eropah dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata selain pertemuan empat mata antara beliau dan Thaksin, perbincangan peringkat delegasi juga diadakan yang menghasilkan pelbagai kerjasama dua hala.

Mengenai penangkapan ikan di laut dalam di perairan Malaysia, Dr Mahathir berkata Malaysia mencadangkan agar diwujudkan usaha sama antara Malaysia dan Thailand.

"Jika usaha sama tidak dapat dilakukan, sekurang-kurang sebahagian aktiviti hiliran seperti pendaratan dan pemprosesan ikan dilakukan di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata Thaksin bersetuju untuk menerima rombongan lawatan petani dan nelayan Malaysia ke projek-projek "Satu Kampung Satu Produk" yang berjaya dilaksanakan di Thailand bagi menambah pendapatan penduduk miskin luar bandar.

Pada hari pertama lawatannya Jumaat lepas, Dr Mahathir meninjau sendiri bagaimana masyarakat kampung dekat Chiang Mai di utara Thailand, menjalankan industri kecil mengeluarkan pelbagai produk berasaskan kertas dari kayu menggunakan tangan.

"Kita tahu petani dan nelayan tidak bekerja sepenuh masa, jadi banyak masa terluang dapat dimanfaatkan dengan mengeluarkan produk-produk kraftangan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata kerajaan sanggup memberi pinjaman kepada petani dan

nelayan yang mahu memulakan industri Satu Kampung Satu Produk.

Dr Mahathir berkata beliau juga berkesempatan menjelas kepada Thaksin mengenai langkah Malaysia menangguhkan pelaksanaan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) untuk industri automotif sehingga tahun 2005.

"Saya jelaskan kita buat kereta sendiri dari mula sampai akhir, dan ini menyebabkan kos kita tinggi sebab jumlah kereta tak banyak," katanya.

Malaysia tidak mungkin dapat bersaing dengan kereta dari Thailand yang mempunyai kandungan tempatan lebih 40 peratus dan layak memasuki pasaran Asean tanpa cukai kerana ia tiada kos permulaan sebab dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kereta yang sudah mencapai jumlah pengeluaran tinggi.

Ditanya mengenai cadangan Thailand untuk membina terusan di Segenting Kra, Dr Mahathir berkata beliau tidak membincangkan perkara itu dengan Thaksin.

"Itu dalam kawasan Thai dan kita tidak boleh kata apa, tetapi kalau nak buat jalan, kita boleh lalu utara Kedah," katanya.

-- BERNAMA

ZS MAI